

No. Ruj. : USM.38/1 Jld.II

Tarikh : 7 April 2022

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 11 TAHUN 2022

- PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah pun meluluskan pemakaian Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertarikh 26 Januari 2022 [No rujukan JPA/PEN/228/15/2(26)] yang merangkumi Ceraian PP1.3.4 : **Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.**

3. Sebagai menghargai jasa anggota perkhidmatan awam, pihak Kerajaan telah bersetuju membenarkan **pemberian awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) sebanyak lapan puluh (80) hari mulai Januari 2022.**

4. Berikut adalah syarat-syarat am pemberian awal Award Wang Tunai GCR ini :-

- (a) Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira hendaklah **tidak kurang daripada 15 tahun;**
- (b) Telah mencapai umur 45 tahun;
- (c) Jumlah GCR yang terkumpul sebelum permohonan pemberian awal Award Wang Tunai GCR hendaklah **sekurang-kurangnya 80 hari;** dan
- (d) Bebas daripada sebarang prosiding jenayah atau tindakan tatatertib.

5. Formula pengiraan pemberian awal Award Wang Tunai GCR ini adalah seperti yang berikut :-
= 1/30 X Gaji semasa yang diterima (gaji hakiki + imbuhan tetap) X 80 hari

6. Sila ambil perhatian bahawa pemberian awal Award Wang Tunai GCR ini hanya boleh dibuat SEKALI sahaja sepanjang perkhidmatan staf di Universiti. Kelulusan permohonan pemberian awal Award Wang Tunai GCR akan direkodkan dalam rekod perkhidmatan staf. Sekiranya staf didapati tidak memenuhi mana-mana syarat permohonan pemberian awal Award Wang Tunai GCR sebagaimana yang diperuntukkan dalam syarat seperti di atas, maka apa-apa kelulusan yang diberikan adalah terbatal. **Sebarang keputusan pemberian awal Award Wang Tunai GCR ini oleh pihak Universiti kepada mana-mana staf yang mengemukakan permohonan adalah muktamad.**

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 11 TAHUN 2022

- PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

7. Permohonan pemberian awal Award Wang Tunai GCR ini boleh dikemukakan staf yang layak melalui borang khas di pautan bit.ly/AWTGCR. **Permohonan yang dikemukakan dalam tempoh 1 hari bulan hingga 14 hari bulan pada sesuatu bulan akan membolehkan pembayarannya dibuat pada bulan yang sama.** Permohonan yang diterima selepas tarikh 14 hari bulan akan diproses untuk pembayaran pada bulan berikutnya. Universiti akan membuat pembayaran bagi permohonan mulai bulan April 2022.

8. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai berikut, mengikut kampus :-

Kampus	Nama & Butiran Pegawai	E-Mel	No. Samb.
Induk	Encik Muhammad Fariz Bin Ahmad Ali Penolong Pendaftar Kanan Unit Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar	fariz@usm.my	6094
Kejuruteraan	Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Pendaftar	jalaludin@usm.my	5010
Kesihatan	Puan Norheliza Binti Mukram @ Sulaiman Penolong Pendaftar Kanan Unit Perkhidmatan & Pembangunan Organisasi, Jabatan Pendaftar	heliza@usm.my	2010
IPPT	Encik Zulfaizal Bin Abdul Majid Penolong Pendaftar Kanan Seksyen Pengurusan	zulfaizal@usm.my	2020

9. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. MUSA BIN ALI)
Pendaftar

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 11 TAHUN 2022

- PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

s.k.

Naib Canselor

Bendahari

Timbalan Pendaftar Kanan, BSM, Jabatan Pendaftar, Kampus Induk

Timbalan Pendaftar Kanan, HUSM, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Ketua Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar, Seksyen Pengurusan, IPPT

Tel : 604-653 3111 | E-Mel : musa@usm.my | Faks : 604- 6571718